**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**
(Ministry of Health Malaysia)
Bahagian Pengurusan Latihan
Aras 3 & 6, Menara Prisma
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000
Faks : 603-8885 0748
Web : latihan.moh.gov.my

Ruj: KKM.500-3/4/9 Jld.5 (60)
Tarikh: 6 Disember 2017

Pengarah Bahagian

Setiausaha Bahagian

Pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah Hospital/ Institusi Latihan

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PELAWAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) BAGI PERMOHONAN KEMUDAHAN BIASISWA TAJAAN BADAN ASING TAHUN 2018 – *JICA KNOWLEDGE CO-CREATION PROGRAM FOR LONG PARTICIPANTS – GLOBAL PUBLIC LEADERSHIP PROGRAM (ASEAN)* FY2018**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mempelawa semua pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berkelayakan untuk memohon kemudahan Biasiswa Kerajaan Negara Jepun melalui *Japan International Cooperation Agency (JICA)'s Knowledge Co-Creation Program (Long Term)* bagi peringkat pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D) di bawah *Global Leadership Program (ASEAN)*, FY2018 secara sepenuh masa.

**SYARAT- SYARAT PERMOHONAN**

3. Semua permohonan mesti memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan di dalam surat tawaran JPA (I) S.179/17/2-11 Jld.3 (5) dan boleh dimuat turun di laman web http://esilav2.jpa.gov.my.

**CARA MEMOHON**

4. Calon perlu melayari dan memohon secara dalam talian melalui portal JPA seperti yang tersebut di atas. Tarikh tutup permohonan secara dalam talian di portal

JPA adalah pada 13 Disember 2017, namun calon di Kementerian Kesihatan Malaysia perlu mengemukakan permohonan ke Bahagian Pengurusan Latihan **pada/sebelum 11 Disember 2017 jam 10.00 pagi** untuk tindakan Bahagian ini selanjutnya.

5. Calon dinasihatkan untuk memahami dan mengikuti tatacara permohonan bagi mengelakkan permohonan tersebut ditolak. Ketua Jabatan adalah dicadangkan supaya hanya menyokong dan mempertimbangkan calon-calon yang layak, sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Calon dikehendaki mengemukakan semua dokumen yang telah dilengkapkan seperti di **Lampiran 1** untuk pertimbangan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) KKM.

6. Sebarang pertanyaan berkaitan pemohonan tawaran biasiswa ini boleh dirujuk ke Unit Latihan dalam Perkhidmatan 1, Bahagian Pengurusan Latihan, KKM seperti berikut:

Pn. Nur Hanani Binti Salamat
Penolong Setiausaha Kanan
E.mail: nurhanani.s@moh.gov.my
No. Telefon: 03-8885 0619
No. Faks: 03-8885 0746

En. Nor Azhar bin Kamaludin
Penolong Setiausaha
Email: norazhar.k@moh.gov.my
No. Telefon: 03-8885 0600 ext 6133
No. Faks: 03-8885 0746

7. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memaklumkan tawaran ini kepada semua anggota yang berminat dan berkelayakkan di Jabatan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurutperintah,

**(DR. ZAINAL ABIDIN BIN SAIT)**
Bahagian Pengurusan Latihan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

**s.k.**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Sokongan&Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,
Bahagian Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah,
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,
Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)

**LAMPIRAN 1**

**DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN KE BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN, KKM UNTUK TUJUAN PENYELARASAN PERMOHONAN BAGI PERTIMBANGAN PPSM**

1. Calon perlu melengkapkan dan menghantar:-

   i. Tiga (3) salinan Borang Permohonan Online JPA yang dicetak daripada sistem permohonan http://esilav2.jpa.gov.my.

   ii. Borang JPA(L)LDP 1A/96 (**Lampiran B**) tidak perlu diisi oleh pemohon dan akan dilengkapkan oleh urusetia di Bahagian Pengurusan Latihan;

   iii. Tiga (3) salinan Borang Perakuan Ketua Jabatan (**Lampiran C**);

   iv. Satu (1) salinan Pasport Antarabangsa

   v. *JICA Application Form* (2 salinan lengkap dengan gambar berukuran pasport 4cm x 3cm)

   vi. Laporan perubatan JICA

   vii. Dua (2) salinan Sijil Ijazah Pertama atau kelulusan yang setaraf dengannya (skrol dan transkrip yang telah disahkan);

   viii. Dua (2) salinan TOEFL/IELTS;

   ix. Satu (1) salinan Buku Perkhidmatan yang terkini dan disahkan.

2. Dokumen-dokumen tersebut perlu dihantar melalui Ketua Jabatan dengan menggunakan kepala surat Jabatan sebelum/pada **11 Disember 2017 jam 10.00 pagi** kepada:-

   Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1
   Cawangan Operasi Latihan
   Bahagian Pengurusan Latihan, KKM
   Aras 6, No 26, Persiaran Perdana, Persint 3
   62675, Putrajaya
   (u/p: En. Nor Azhar Kamaludin)